

# Pelarian Aceh tidak boleh dipaksa

KUALA LUMPUR: Penghantaran pulang semua pelarian dan pendatang tanpa izin Aceh ke Indonesia tidak boleh dilakukan secara paksa jika masih ada kebimbangan terhadap keselamatan mereka di negara itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, walaupun kerajaan menganggap semua penduduk Aceh di negara ini sebagai pendatang tanpa izin, mereka tidak boleh dipaksa pulang tanpa jaminan keselamatan.

"Kita tidak boleh memaksa orang Aceh pulang kerana mereka mendakwa masih takut. Jadi kita berhubung dengan kerajaan Indonesia untuk menentukan mereka selamat apabila balik.

"Tetapi kalau masih ragu-ragu, kita tidak boleh paksa mereka pulang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Parti Gerakan ke-21 di sini, semalam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, penduduk Aceh yang dianggap pendatang tanpa izin akan pulang ke negara mereka dengan kerjasama kerajaan Indonesia yang memberi jaminan tidak akan berlaku sesuatu kepada mereka.

Khamis lalu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, menyatakan

kerajaan bersedia menghantar pulang 43 penduduk Aceh yang cuba mendapatkan perlindungan politik di negara ini kerana pelarian politik tidak dianggap sebagai pendatang tanpa izin.

Beliau turut menjelaskan kerajaan Indonesia mempelawa Malaysia dan wakil Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) melihat sendiri keadaan penduduk Aceh yang dihantar pulang.

Sebelum itu, Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas, menyatakan tidak ada sebab penduduk Aceh melarikan diri kerana bimbangkan keselamatan mereka diancam tentera Indonesia.

Beliau menyatakan kerajaan Indonesia tidak berniat jahat terhadap mereka yang tidak melakukan kesalahan atau melanggar undang-undang negara itu.

Seramai 43 penduduk Aceh yang meninggalkan negara mereka sejak Mac lalu meminta ditempatkan di negara ketiga selepas Malaysia menolak untuk memberi perlindungan politik kepada mereka.

Kebanyakannya yang dikatakan terbabit dalam gerakan pemisahan bagi menubuhkan Aceh Merdeka, melarikan diri ke Malaysia selepas mendakwa pasukan tentera Indonesia mengancam keselamatan mereka.